

Hospital UiTM **NEWS LETTER**

03/2021

Pengoperasian HUiTM

Non-Invasive Diagnostic Centre (NIDC)
Jabatan O & G
Jabatan Pediatrik

Aktiviti

Mobile PPV HUiTM
Kempen Ezidaftar
Kursus 'Budaya Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan'
Simbolik Penanaman Pokok & Pink Oktober
Healthcare Strategic Meeting Hospital UiTM
Sambutan Maulidur Rasul
Majlis APC & pelancaran 'GHOP'
Sambutan Hari Diabetes Sedunia
Bengkel Advokasi Inisiatif Hospital Rakan Bayi
Majlis MoU & MoA
Sambutan 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia
Sunathon HUiTM 2021
Misi Bantuan Banjir HUiTM
HUiTM Cakna OKU



'NON-INVASIVE DIAGNOSTIC CENTRE' (NIDC) MULA OPERASI DI HUiTM PUNCAK ALAM

6 Julai 2021

Non-Invasive Diagnostic Centre (NIDC) di bawah Unit Kardiologi, Jabatan Perubatan Am HUiTM telah mula menyediakan perkhidmatan di Hospital UİTM Puncak Alam pada 6 Julai 2021. Bertempat di Aras 3 (bersebelahan Klinik Eksekutif) dengan seliaan oleh Puan Norlaila Danuri (Juruteknologi Makmal Perubatan), NIDC (dikenali sebagai Non-Invasive Cardiac Laboratory (NICL) di PPUiTM Sungai Buloh) menawarkan perkhidmatan ekokardiogram transtorasik & transesophagus, perkhidmatan ujian Holter, perkhidmatan ECG dan perkhidmatan ujian Ambulatory Blood Pressure Monitoring (ABPM).

Bagi perkhidmatan angiogram, ianya dijalankan di Bilik Prosedur CRW di aras 4 manakala rawatan Percutaneous Coronary Intervention (PCI) (sekiranya diperlukan) akan dijalankan di Jabatan Radiologi (aras 2). Rawatan PCI ini sangat penting bagi memulihkan aliran darah dalam arteri seperti angioplasti (meluaskan salur darah), aterektomi (membuang plak daripada arteri) dan peletakan stent atau belon dalam salur darah.





JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI (O&G) MULA OPERASI DI HOSPITAL UİTM PUNCAK ALAM

1 November 2021



Tarikh 1 November 2021 menyaksikan operasi Jabatan Obstetrik & Ginekologi di Pusat Pakar Perubatan UiTM (PPUiTM) Sungai Buloh ditamatkan bagi meneruskan perkhidmatan di Hospital UiTM (HUİTM) Puncak Alam. Transisi lokasi perkhidmatan ini berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancang di samping staf yang bakal bertugas di Dewan Bersalin HUİTM juga diberikan kursus khas sejak 2 November 2021. Kursus ini dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada Pakar Perunding, Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Perawatan Klinikal (PPK) tentang proses kerja di Dewan Bersalin, Patient Assessment Centre (PAC), Early Pregnancy Assessment Unit (EPAU) dan Wad Obstetrik & Ginekologi.

PPUiTM Sungai Buloh menyambut kelahiran bayi yang pertama pada 7 September 2021 dan sejak beroperasi sehingga 1 November 2021, sebanyak 220 kelahiran bayi telah direkodkan. Perkhidmatan Jabatan Obstetrik & Ginekologi di HUİTM Puncak Alam sebenarnya dimulakan lebih awal daripada yang dirancang ekoran situasi semasa peningkatan kes COVID-19 dan PPUiTM Sungai Buloh pula mula menerima pesakit COVID-19.

Pada tanggal 3 November 2021, perkhidmatan di Dewan Bersalin Hospital UiTM Puncak Alam secara rasminya dibuka untuk warga awam dan tarikh ini juga mencatat sejarah tersendiri apabila menerima kelahiran bayi yang pertama seawal jam 3.42 pagi dan bayi kedua disambut pada jam 1.29 petang. Sejak memulakan operasi, sebanyak 50 kelahiran bayi telah dicatat (rekod sehingga Disember 2021).





JABATAN PEDIATRIK MULA OPERASI DENGAN SAMBUTAN KELAHIRAN BAYI PERTAMA DI HOSPITAL UİTM

3 November 2021

3 November 2021 merupakan tarikh rasmi bagi Jabatan Pediatrik memulakan perkhidmatan bersalin di Hospital UiTM Puncak Alam. Tarikh ini juga mencatat sejarah tersendiri apabila Dewan Bersalin HUiTM menerima kelahiran bayi yang pertama seawal jam 3.42 pagi dan bayi kedua pada jam 1.29 petang. Kedua-dua bayi perempuan ini selamat dilahirkan secara normal. Detik bersejarah ini cukup menggembirakan bagi pasangan Encik Mohd Hairol Rafee Dol Basir & Puan Ismahani Azimee serta Encik Mohd Azrai Mohbob & Puan Norelina Mohd Zain. Tahniah buat pasangan dan syabas buat doktor dan jururawat yang bertugas.

Sementara itu, Neonatal Intensive Care Unit (NICU) juga beroperasi dengan kapasiti 4 katil dan telah menerima kemasukan bayi pertama pada 5 November 2021. Sehingga kini, lebih dari 50 bayi telah selamat dilahirkan semenjak operasi dimulakan. Syabas diucapkan kepada Jabatan Pediatrik HUiTM.

Kemasukan bayi pertama pada 5 November 2021. Sehingga kini, lebih dari 50 bayi telah selamat dilahirkan semenjak operasi dimulakan. Syabas diucapkan kepada Jabatan Pediatrik HUiTM.





HOSPITAL UİTM DAN FAKULTI PERUBATAN UİTM LAKSANA PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 SECARA JANGKAU LUAR (OUTREACH) UNTUK KOMUNITI SETEMPAT

13 September 2021

Dalam usaha membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Hospital UiTM bersama-sama Fakulti Perubatan UiTM mengerakkan pasukan khas (Mobile PPV) ke kawasan pedalaman sekitar Kuala Selangor bagi pemberian vaksin khususnya kepada pesakit mahupun warga awam yang mempunyai kekangan datang ke Pusat Pemberian Vaksin.

Sesi pemberian vaksin ini diadakan pada 13 September 2021 dengan tumpuan diberikan kepada individu yang terlantar sakit serta penduduk yang menghadapi masalah logistik seperti tiada kemudahan pengangkutan. Inisiatif ini dibuat bagi memudahkan proses pemberian vaksin kepada komuniti setempat seterusnya menyumbang kepada peningkatan jumlah penerima vaksin dan meningkatkan tahap pencapaian imuniti kelompok bagi membendung penularan wabak covid-19. Program ini juga telah mendapat kerjasama daripada Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan sukarelawan USIAMAS. Dengan penutupan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega di UiTM Puncak Alam, pemberian vaksin kepada komuniti yang terpinggir masih boleh diteruskan melalui kaedah jangka luar (outreach) oleh pasukan khas ini (Mobile PPV). Usaha ini juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) HUiTM dan Fakulti Perubatan UiTM dalam usaha mengurangkan beban yang digalas oleh pihak KKM.

Beroperasi selama 2 bulan, pasukan khas (Mobile PPV) ini telah berjaya memberi suntikan vaksin COVID-19 kepada 31 orang pesakit (warganegara) dan seramai 35 orang pekerja binaan (bukan warganegara) di sekitar kawasan PKD Kuala Selangor termasuk Puncak Alam, Jeram, Sungai Buloh dan Bestari Jaya. Syabas kepada semua petugas kesihatan yang telah memberi komitmen demi merealisasikan pencapaian imuniti kelompok serta memastikan setiap warga tidak tercincir mendapat vaksin COVID-19.





Dalam usaha meningkatkan jumlah pelanggan hospital yang menggunakan aplikasi 'Hospital UiTM Mobile Health Passport', Jabatan Komunikasi Korporat HUiTM mengambil inisiatif melancarkan kempen 'EZIDAFTAR' bermula 11 Oktober 2021 sehingga 05 November 2021. Sepanjang kempen berlangsung, pelanggan yang hadir untuk ke HUiTM akan diberi penerangan secara terperinci berkaitan aplikasi ini oleh sekretariat kempen yang bertugas. Kempen ini juga dianjurkan bagi memperkenalkan kepada pelanggan HUiTM khususnya pelanggan baru dan pelanggan sedia ada tentang keistimewaan aplikasi ini termasuk kemudahan membuat pembayaran secara atas talian.

'Hospital UiTM Mobile Health Passport' merupakan aplikasi yang dibangunkan oleh Jabatan Infostruktur HUiTM dan mula digunakan sejak September 2020. Aplikasi mesra pengguna ini mampu memudahkan urusan pendaftaran pesakit Hospital UiTM di samping menyediakan informasi kesihatan. Ia juga dijamin selamat kerana maklumat pesakit yang terkandung dalam aplikasi ini terjaga kerahsiaannya (hanya pesakit yang boleh akses maklumat).

Kempen EZIDAFTAR ini turut dibantu oleh wakil staf daripada Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Polis Bantuan, Jabatan Kejururawatan dan Jabatan Kewangan yang mana mereka bertugas sebagai sekretariat kempen secara bergilir-gilir mengikut jadual yang ditetapkan. Hasil tinjauan dan sesi temu bual yang dibuat, rata-rata pelanggan HUiTM sangat berpuas hati dan berpendapat bahawa aplikasi ini banyak memudahkan urusan mereka.

**HOSPITAL UiTM
'MOBILE HEALTH PASSPORT'**

MUDAH
 MESRA
 SELAMAT

KELEBIHAN APLIKASI 'MOBILE HEALTH PASSPORT'

- PENDAFTARAN SENDIRI ATAS TALIAN
- BAYARAN TANPA TUNAI
- NOTIFIKASI JANJI TEMU KLINIKAL
- MENYIMPAN REKOD PERKHIDMATAN & JANJI TEMU

KEMPEN EZIDAFTAR 'HOSPITAL UiTM MOBILE HEALTH PASSPORT'

BANTU MUDAHKAN URUSAN PELANGGAN HOSPITAL UiTM (HUiTM)

11 Oktober 2021 - 5 November 2021



**HOSPITAL UiTM
'MOBILE HEALTH PASSPORT'**

MUDAH
 MESRA
 SELAMAT

KELEBIHAN APLIKASI 'MOBILE HEALTH PASSPORT':

- PENDAFTARAN SENDIRI ATAS TALIAN
- BAYARAN TANPA TUNAI
- NOTIFIKASI JANJI TEMU KLINIKAL
- MENYIMPAN REKOD PERKHIDMATAN & JANJI TEMU
- MUAT NAIK SURAT JAMINAN (GL) PESAKIT



SILA IMBAS KOD QR UNTUK
PENDAFTARAN E-MEL
DAN PENGAKTIFAN APLIKASI



MUAT TURUN APLIKASI
DI IOS DAN ANDROID

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGKAN :
03-33963000 Samb : 11804

huitm.unitkorporat@utm.edu.my



Hospital UiTM



huitmofficial



huitmofficial



KURSUS “BUDAYA KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN PELANGGAN” **TINGKATKAN KOMPETENSI WARGA HUiTM**

13 Oktober 2021 & 15 Disember 2021

Organisasi yang cemerlang memerlukan modal insan yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi agar mereka mampu menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan dan pembudayaan cara kerja yang profesional. Sedar akan keperluan Hospital UiTM untuk membina staf yang bermotivasi tinggi, mesra pelanggan dan cemerlang, Jabatan Komunikasi Korporat HUiTM mengambil inisiatif menganjurkan siri ‘Kursus Budaya Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan’ yang dikendalikan oleh Coach Hazri Rohilio Hood, pengasas Winning Minds, bertempat di Auditorium 2 HUiTM. Siri pertama berlangsung pada 13 Oktober 2021 manakala siri kedua diadakan pada 15 Disember 2021.

Seramai 64 peserta kursus yang terdiri daripada petugas kesihatan dan staf sokongan HUiTM telah hadir dengan jayanya. Kursus yang dianjurkan ini memberi fokus kepada aspek kemahiran penggunaan pendengaran aktif, konsep ‘emotional intelligence’ dan penggunaan komunikasi bukan lisan dalam memberikan perkhidmatan yang mesra dan profesional kepada pelanggan.

Sesi kursus turut diserikan dengan kehadiran Pengarah Hospital UiTM, Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim yang datang menyantuni peserta-peserta kursus. Syabas buat semua peserta yang berjaya menamatkan kursus dan ucapan ribuan terima kasih buat sekretariat yang terlibat memberi komitmen menjayakan program. Semoga dengan pendedahan dan sesi perkongsian ilmu seumpama ini mampu membentuk warga HUiTM yang berdedikasi, komited dan berdaya saing.



SIMBOLIK PENANAMAN POKOK SEMPENA HARI AKADEMIA & 'KEMPEN KESEDARAN KANSER PAYUDARA (PINK OCTOBER)'

25 Oktober 2021



Bulan Kesedaran Kanser Payudara atau juga dikenali sebagai *Pink October* disambut setiap tahun pada bulan Oktober. Bagi menyemarakkan sambutan *Pink October* tahun ini, Jabatan Pembedahan Am dan Jabatan Radiologi bekerjasama mengadakan Kempen Kesedaran Kanser Payudara 2021 peringkat Hospital UiTM bermula 1 hingga 31 Oktober 2021. Matlamat utama kempen adalah:

- Berkongsi maklumat khususnya kepada kaum wanita mengenai bahaya kanser payudara dan perkongsian tip-tip penjagaan payudara
- Mendidik orang awam mengenai kepentingan melakukan ujian saringan awal
- Memberi sokongan kepada mereka yang telah menghidap kanser payudara.

Pelbagai aktiviti sempena kempen telah dianjurkan seperti sesi ceramah komuniti, pameran, forum awam dan juga pakej ujian saringan / mammogram untuk warga awam. Turut diadakan adalah sesi temu bual bersama YBhg. Datin Dr. Norazida Mohamed, Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat UiTM secara 'Youtube Live' melalui saluran Youtube Rasmi UiTM pada 25 Oktober 2021.

Setiap tahun Hari Akademia disambut pada 5 Oktober dan Oktober merupakan Bulan Akademik. Hari Akademia buat pertama kalinya diraikan pada tahun 2019 dan ia adalah hari istimewa bagi memberi penghormatan kepada pensyarah di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, politeknik, kolej komuniti, institut latihan guru, kolej matrikulasi, juga institusi latihan teknikal dan vokasional.

Hari Akademia 2021 disambut dengan tema 'Akademia Diperkasa, Digitalisasi Dibudaya'. Bersempena dengan Hari Akademia tahun ini, Persatuan Kakitangan Akademik UiTM (UTiMAS) dan Hospital UiTM mengambil inisiatif mengadakan sesi penanaman pokok pada 25 Oktober 2021 di Hospital UiTM iaitu simbolik kepada suburnya budaya kecemerlangan akademik dalam kalangan warga UiTM. Sesi ini juga diadakan sebagai tanda sokongan pihak UTiMAS kepada Kempen Kesedaran Kanser Payudara yang diadakan di Hospital UiTM.

Sesi dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim (Pengarah Hospital UiTM), YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Hajah Sarimah Ismail (Presiden UTiMAS), YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal (Timbalan Rektor UCS - Penyelidikan dan Inovasi), Puan Norazean Abdul Rahman (Pengarah Jabatan Lanskap Majlis Perbandaran Kuala Selangor) dan juga wakil-wakil Exco UTiMAS.

Ucapan ribuan terima kasih kepada Jabatan Lanskap Majlis Perbandaran Kuala Selangor atas sumbangan pokok bunga. Setinggi-tinggi penghargaan buat UTiMAS atas kesudian menjalankan kerjasama dalam menjayakan program. Semoga hubungan yang terjalin ini terus dipererat dengan kerjasama program-program lain pada masa akan datang.



HEALTHCARE STRATEGIC MEETING HOSPITAL UiTM 2025

Hyatt Regency Kuantan Resort, Kuantan, Pahang

29 hingga 31 Oktober 2021

- Membincangkan hala tuju HUiTM (2021-2025) bagi menjayakan Pelan Strategik UiTM2025.
- Panduan bagi kerangka strategik HUiTM bagi bidang-bidang utama seperti Perkhidmatan Klinikal , Pengurusan, Pentadbiran dan Kewangan, Penyelidikan
- Mengukuhkan kerjasama strategik di antara Hospital UiTM, Fakulti Perubatan dan UiTM Private Specialist Centre (UPSC).





SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TANDA CINTA KEPADA RASULULLAH S.A.W

3 November 2021



Bulan Rabiul Awal merupakan bulan kelahiran baginda Nabi Muhammad s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w merupakan insan yang mulia dan telah menunaikan kewajipan/tugasnya dari Allah untuk menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelusuk dunia. Keperibadian baginda amat terpuji dan terungkap di dalam al-Quran. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan kedatangan hari kiamat.” (Surah al-Ahzab:21)

Bagi menyemarakkan lagi penghayatan Maulidur Rasul 1443H/2021M dalam kalangan warga, Hospital UiTM menerusi Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia (JPSM) dan Jabatan Komunikasi Korporat telah menganjurkan beberapa program sepanjang bulan Rabiul Awal ini. Antara objektif utama program adalah:-

- Mengajak warga HUiTM menghayati sirah perjuangan Rasulullah S.A.W.;
- Menggalakkan warga HUiTM menjadikan keperibadian Rasulullah S.A.W sebagai contoh ikutan yang terbaik;
- Menyuburkan iman dalam diri dengan nilai akhlak & integriti yang tinggi.

Antaranya program yang dilaksanakan ialah:

- Pertandingan Selawat, Pertandingan Tazkirah, Pertandingan Video Pendek, Pertandingan Tulisan Khat, Pertandingan Bercerita Sirah Nabi (terbuka kepada anak-anak staf). (aktiviti dibuat sepanjang bulan Oktober 2021).
- Hari Kemuncak Majlis Sambutan Maulidur Rasul (3 November 2021). Perasmian Penutup Majlis Sambutan Maulidur Rasul telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Sazzli Shahlam Kasim, Pengarah HUiTM bertempat di Auditorium 2, Hospital UiTM. Majlis yang disertai oleh warga HUiTM dan Fakulti Perubatan ini turut diserikan dengan penampilan istimewa Kumpulan Ar Rayyan yang membuat persembahan Qasidah dan Tausiyah. Bersempena majlis, sesi penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan juga turut diadakan.

Pertandingan yang telah dianjurkan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga. Antara pemenangnya adalah:

- Pertandingan Selawat: Kumpulan Shoutul Shurahbil daripada Jabatan Pentadbiran Sumber Manusia, HUiTM
- Pertandingan Tazkirah: Puan Roznani Hasan dari Fakulti Perubatan UiTM
- Pertandingan Tulisan Khat: Puan Norhazira binti Alias
- Pertandingan Bercerita Sirah Nabi: Adik Mashitah binti Aziz

Sepanjang bulan Oktober 2021 juga, tazkirah ringkas (menerusi siaran awam) untuk warga HUiTM dilakukan pada setiap pagi dengan matlamat agar warga sentiasa mengingati perjuangan dan sirah baginda S.A.W.





'MAJLIS PENGHARGAAN PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) HARGAI KOMITMEN CEMERLANG STAF HOSPITAL UİTM'

10 November 2021


Bagi menghargai sumbangan dan khidmat cemerlang staf Hospital UiTM bagi tahun 2020, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dengan kerjasama Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit serta Jabatan Komunikasi Korporat menganjurkan Majlis Penghargaan Penerima Anugerah Cemerlang' pada 10 November 2021, bertempat di Auditorium 2, HUiTM. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Prof. Sazzli Shahlan Kasim, Pengarah Hospital UiTM yang turut menyampaikan sijil anugerah kepada semua penerima APC 2020. Majlis turut dihadiri oleh barisan pengurusan HUiTM serta wakil dari Kampus Utara Selangor dan Fakulti Perubatan UiTM.

Syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020. Semoga kejayaan ini terus menjadi pemangkin inspirasi dan motivasi untuk terus menyumbang bakti kepada universiti keramat UiTM.



PELANCARAN BUKU “GENERAL HOSPITAL OPERATIONAL POLICY” HOSPITAL UİTM

10 November 2021



Sempena Majlis Penghargaan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Hospital UiTM di Auditorium 2 pada 10 November 2021, turut menyerikan majlis ialah sesi pelancaran buku 'General Hospital Operational Policy' Hospital UiTM. Penerbitan buku ini merupakan inisiatif oleh Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit (QIPS) dengan penglibatan semua jabatan di HUiTM. Buku ini merupakan rujukan dan panduan utama staf HUiTM dalam melaksanakan tugas harian bagi mewujudkan suasana perkhidmatan hospital yang selamat dan kondusif bagi pesakit dan juga staf.

Sesi pelancaran telah disempurnakan oleh Pengarah HUiTM, YBhg. Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim dengan kehadiran YBhg. Dato' Dr. Khalid Ibrahim (Penasihat Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit HUiTM) dan Prof. Madya Dr. Julina @ Azimah Md Noor (Ketua Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit).



SAMBUTAN HARI DIABETES SEDUNIA

TINGKATKAN KESEDARAN WARGA

16 November 2021



Bersempena dengan Sambutan Hari Diabetes Sedunia yang disambut pada setiap 14 November, Unit Endokrinologi, Jabatan Perubatan Am HUITM turut menganjurkan Sambutan Hari Diabetes Sedunia peringkat Hospital UiTM bermula 16-18 November 2021. Program ini merupakan aktiviti tahunan Unit Endokrinologi dengan matlamat memberi kesedaran kesihatan kepada golongan awam tentang penyakit dan komplikasi penyakit diabetis. Hari Diabetes Sedunia tahun ini bertemakan "Access to Diabetes Care – If Not Now, When?". Tema ini memberi penekanan bahawa akses kepada penjagaan diabetes adalah penting terutama semasa pandemik COVID-19 berlaku. Di samping itu, program ini dilihat mampu menarik warga awam berkunjung ke Hospital UiTM Puncak Alam dan mengetahui servis yang ditawarkan oleh Klinik Pakar Endokrin dan Diabetis di Hospital UiTM.

Program yang juga mendapat kerjasama Jabatan Oftalmologi, Unit Dietetik dan Jabatan Perubatan Pemulihian HUITM ini diisi dengan pelbagai aktiviti seperti pertandingan video penyediaan makanan sihat, pertandingan Crossword Puzzle, pembukaan booth pameran kesedaran penyakit diabetes dan pemberian hadiah cenderahati. Turut memeriahkan sambutan juga adalah sesi demo memasak menu sihat yang menampilkan chef terkenal iaitu Chef Dr. Ezani Monoto (Juara MasterChef Malaysia Musim Pertama).



BENGKEL ADVOKASI INISIATIF HOSPITAL RAKAN BAYI (BFHI) CAPAI MATLAMAT

18 November 2021 - 19 November 2021



Dalam usaha mempersiapkan Hospital UiTM (HUiTM) sebagai Hospital Rakan Bayi, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G), HUiTM telah mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Advokasi Inisiatif Hospital Rakan Bayi pada 18-19 November 2021 bertempat Auditorium 2, HUiTM.

Bengkel ini dianjurkan selaras dengan usaha dan strategi yang telah diatur oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mempromosikan penyusuan susu ibu. Antara salah satu Langkah untuk menggalakkan penyusuan susu ibu di Malaysia adalah menerusi pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi. Hospital Rakan Bayi adalah merupakan usaha yang dilakukan di peringkat global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dengan matlamat utama adalah memastikan setiap bayi mendapat permulaan kehidupan yang terbaik melalui persekitaran yang menyokong penyusuan susu ibu.

Bagi tujuan mendapat pengiktirafan Sebagai Hospital Rakan Bayi, hospital perlu melaksanakan 10 Langkah Ke Arah Penyusuan Susu Ibu Yang Berjaya menggunakan WHO/UNICEF Baby-Friendly Hospital Initiative Global Criteria. Justeru, bengkel ini merupakan usaha awal Hospital UiTM ke arah mendapat pengiktirafan ini.

Bengkel dihadiri oleh seramai 50 orang petugas kesihatan HUiTM dan dimulakan dengan ucapan oleh Dr. Suriani Idris, Pakar O&G HUiTM merangkap Pengerusi Program Bengkel Advokasi Inisiatif Hospital Rakan Bayi ini. Perasmian bengkel telah disempurnakan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail, Timbalan Pengarah (Klinikal) yang hadir mewakili Pengarah HUiTM. Ucaptama sempena bengkel telah disampaikan oleh Dr. Noor Haliza Yussoff, Pakar Perunding Kanan O&G, Ketua Pusat Laktasi Kebangsaan. Turut menyampaikan ceramah ialah Encik Ja'afar bin Mohamed Iris Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit Pemakanan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Syabas diucapkan kepada Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G), HUiTM atas kejayaan penganjuran program. Semoga bengkel yang diadakan ini mampu menyuntik semangat dan motivasi para peserta untuk terus komited demi mencapai status HUiTM sebagai Hospital Rakan Bayi.

HOSPITAL UiTM JALIN KERJASAMA STRATEGIK DAN SINERGI DENGAN INDUSTRI

9 Disember 2021



Sesi Pertukaran Dokumen Memorandum Perjanjian (MoA) dan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan tujuh (7) syarikat luar telah diadakan pada 9 Disember 2021 bertempat di Hospital UiTM Puncak Alam. Sesi pertukaran dokumen MoA dan MoU ini melibatkan pihak Boston Scientific Sdn Bhd, Clinical Research Malaysia (CRM), Edgenta Healthtronics, Medtronics Malaysia Sdn Bhd, Ronald McDonald House Charities Malaysia, Philips Malaysia Sdn Bhd dan Allm Sea Sdn Bhd.

Majlis yang diadakan ini merupakan simbolik kerjasama strategik antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerusi Hospital UiTM dengan agensi luar dengan fokus utama kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan teknologi. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) UiTM yang telah menyaksikan sesi pertukaran dokumen MoA dan MoU di antara Hospital UiTM yang diwakili Pengarah Hospital UiTM, Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim dengan Boston Scientific Sdn Bhd (diwakili Mr. Alphons Festus, Pengurus Unit Perniagaan), Clinical Research Malaysia (diwakili Dr. Akhmal Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif), Edgenta Healthtronics (diwakili Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Pengarah Urusan), Medtronics Malaysia Sdn Bhd (diwakili Mr. Simon Yam, Pengarah Perniagaan), Ronald McDonald House Charities Malaysia (Mr. Azmir Jaafar, Presiden), Philips Malaysia Sdn Bhd (diwakili oleh Encik Joshua Chan, Ketua Bahagian Jualan) dan Allm Sea Sdn Bhd (diwakil Ms Ng Shiu Yun).

Sesi pertukaran dokumen MoA dan MoU ini membabitkan kerjasama strategik dalam bidang perubatan kardiologi dan pesakit Acute Stroke, pembangunan fasiliti dan infostruktur, penyelidikan percubaan klinikal ubat-ubatan ke atas manusia di samping penajaan pembedahan sumbing bibir / sumbing lelangit di Hospital UiTM bagi kanak-kanak yang kurang berasib baik.

UiTM sentiasa bersedia dan mengalu-alukan jaringan kerjasama dengan pemain industri di luar sana dan sinergi ini dilihat mampu memberikan impak yang besar kepada masyarakat di Malaysia khususnya dalam bidang perubatan dan penjagaan kesihatan. Manfaatnya bukan sahaja kepada pasaran dan kecekapan teknologi bidang perubatan bahkan menyumbang kepada kecemerlangan Hospital UiTM dalam menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan bertaraf dunia.





HOSPITAL UiT M SERTAI SAMBUTAN PROGRAM 100 HARI ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (AKM)

9 Disember 2021 - 12 Disember 2021

Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 9 hingga 12 Disember 2021 mendapat sambutan hangat dengan jumlah kehadiran pengunjung yang amat luar biasa. Hospital UiTM menerusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak terkecuali terlibat menjayakan program dengan membuka booth pameran (diwakili Clinical Simulation Centre, Fakulti Perubatan UiTM) dan pemeriksaan kesihatan seperti tekanan darah, ujian darah kolestrol, glukos dan HbA1c.

Turut diadakan adalah sesi ceramah (Slot HPU) yang menampilkan 2 orang wakil panel dari HUiTM iaitu Dr. Muhammad Amin Ibrahim, Pakar Perunding Respiratori (Tajuk: Rawatan Susulan Pasca COVID-19) dan Profesor Dr. Anis Safura Ramli, Pakar Perunding Perubatan Keluarga (Tajuk: Aplikasi Mudah Alih EMPOWER-SUSTAIN: Mencegah Penyakit Jantung & Strok dalam Keluarga Malaysia).

Program 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) ini turut disertai Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (Universiti Kebangsaan Malaysia), Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Sultan Ahmad Shah Medical Centre @ IIUM International Islamic University Malaysia, Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia, Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia, Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin, Hospital Universiti Malaysia Sabah dan Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sarawak.





SUNATHON HUİTM 2021 WARNAI CUTI SEKOLAH

15 Disember 2021 - 16 Disember 2021



Sempena cuti sekolah yang baru bermula, Jabatan Pembedahan Am, Hospital UiTM mengambil inisiatif menganjurkan Program Sunathon HUiTM 2021 pada 15-16 Disember 2021, bertempat di Pusat Rawatan Harian HUiTM. Program yang dianjurkan khas untuk anak-anak warga UiTM ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana seramai 36 orang kanak-kanak telah didaftarkan. Sesi perasmian program telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail, Timbalan Pengarah (Klinikal) HUiTM yang hadir mewakili Pengarah. Turut hadiri memeriahkan program ialah wakil daripada KKUiTM (Kesatuan Kakitangan Umum UiTM) iaitu Tuan Haji Zulkifli Mohammed (Presiden), Encik Shahizan Said (Timbalan Presiden) dan Encik Mohd Khairul Mohd Saad (Setiausaha). Sebagai menyokong program yang dianjurkan, KKUiTM telah sudi memberi sumbangan makanan dan juga peralatan (beg) kepada semua peserta Program Sunathon.

Menurut Dr Shaiful Amir Abdul Manap (Pakar Bedah, Jabatan Pembedahan Am, selaku Pengarah Program Sunathon HUiTM 2021), program kali ini amat bermakna kerana ianya julung-julung kali diadakan di Hospital UiTM Puncak Alam setelah tertangguh penganjurannya pada tahun 2020 akibat situasi semasa pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Menurut beliau lagi, penyertaan untuk program kali ini mendapat sambutan yang amat baik dan tidak menolak kemungkinan akan menambah bilangan peserta untuk program yang akan datang. Ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang yang telah sudi menghulur sumbangan.





Bencana banjir yang telah melanda sekitar Lembah Klang pada 18 Disember 2021 telah mengakibatkan kerusakan yang teruk dibeberapa kawasan seperti di Klang, Shah Alam, Hulu Langat, Kota Raja, Sepang, Kuala Langat dan Kuala Selangor. Bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir, Hospital UiTM mengambil inisiatif mengerakkan Misi Bantuan Mangsa Bencana Banjir dengan matlamat menggembangkan tenaga dan mendapatkan sumbangan untuk membantu khususnya warga HUiTM dan Fakulti Perubatan UiTM yang terkesan dan terjejas.

Misi khas ini dilancarkan pada 22 Disember 2021 dan sesi pelepasan pasukan bantuan telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kassim, Pengarah Hospital UiTM pada jam 9:45 pagi. Sesi turut dihadiri oleh PM Dr. Ahmad Izuanuddin Ismail (Timb. Pengarah Klinikal HUiTM), Dr. Izzat Ismail (Timb. Pengarah Sokongan Klinikal HUiTM) dan Encik Mohd Rizal Nordin (Timb. Pengarah Pentadbiran dan Sumber Manusia HUiTM).

Jutaan terima kasih kepada yang telah menghulur sumbangan kepada mangsa banjir dan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga yang telah sudi memberi komitmen bertugas sebagai sukarelawan.



HOSPITAL UİTM GERAKKAN MISI BANTUAN MANGSA BENCANA BANJIR WARGA HUITM DAN FAKULTI PERUBATAN UİTM

22 Disember 2021





HOSPITAL UiTM (HUİTM) CAKNA OKU

'Kepimpinan dan Penyertaan OKU Menuju Endemik COVID-19'

3 Disember 2021 - 24 Disember 2021



Tarikh 3 Disember pada setiap tahun diiktiraf sebagai Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia. Sempena sambutan Hari OKU Sedunia ini, Hospital UiTM menerusi Jabatan Perubatan Pemulihan telah berkolaborasi dengan Unit Perkhidmatan OKU (UPO) UiTM dalam menjayakan sambutan Hari OKU Sedunia 2021 peringkat HUiTM melalui penganjuran pelbagai aktiviti kesedaran dan sesi perkongsian ilmu kepada warga bermula 03 hingga 24 Disember 2021.

Dengan tema 'Kepimpinan dan Penyertaan OKU Menuju Endemik COVID-19', sambutan ini dianjurkan dengan matlamat memberi pendidikan dan menanam kesedaran kepada warga UiTM dan seluruh masyarakat berhubung isu-isu berkait OKU dari aspek perubatan dan kesejahteraan sosial. Program ini juga merupakan inisiatif Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM dan UPO UiTM menyantuni golongan OKU yang berpotensi untuk maju dan mencapai kejayaan dengan bantuan pelbagai pihak di samping mewujudkan suasana positif dan kondusif untuk pengembangan potensi golongan OKU.

Pada 23 Disember 2021, rakan-rakan OKU telah diraikan dalam majlis Hari Kemuncak Sambutan Bulan OKU Sedunia 2021 peringkat HUiTM yang diadakan di Auditorium 2, HUiTM Puncak Alam. Majlis dimulakan dengan sesi ucapan oleh Dr Wan Najwa Binti Wan Mohd Zohdi, Ketua Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM selaku Penasihat Program Hari Kemuncak Sambutan Bulan OKU Sedunia 2021 peringkat HUiTM ini.

Majlis seterusnya diisi dengan sesi Forum Bicara Prihatin: 'Kekurangan Bukan Halangan- Kesihatan Psikologi Dalam Kalangan OKU' yang membariskan panel-panel hebat seperti Ts. Dr. Roslinda Alias (Pengarah Unit Perkhidmatan OKU UiTM), Dr. Nurul Azreen Hashim (Pakar Psikiatri HUiTM), Cik Sharifah Nadhira Syed Iskandar (Alumni UiTM/ Influencer OKU) dan Prof. Madya Dr. Mohd Haidzir Abd Manaf (Ketua Pusat Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan UiTM) yang bertindak sebagai moderator forum.

Perasmian penutup Hari Kemuncak Sambutan Bulan OKU 2021 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Sazzli Shahlan Kasim (Pengarah Hospital UiTM). Turut menjayakan majlis ialah Prof. Madya Dr. Badrul Isa (Timbalan Rektor HEP) yang hadir mewakili Rektor UiTM Cawangan Selangor. Setinggi-tinggi penghargaan buat semua yang telah memberi kerjasama dan sokongan bagi memastikan Sambutan Bulan OKU 2021 Sedunia peringkat HUiTM ini berjalan lancar. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Puncak Alam dan Saujana Utama atas komitmen menjayakan program.

Syabas dan tahniah juga buat barisan jawatankuasa penganjuran program (Jabatan Perubatan Pemulihan HUiTM) yang diketuai oleh Dr. Muhammad Mahdi Abdul Razak (Penyelaras Program) atas komitmen bagi memastikan segala perancangan berjalan lancar.





EDU
Fakulti Pendidikan UiTM
29 September 2021

PERKESO
Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Perkeso
16 Disember 2021

HOSPITAL UİTM TERIMA PELAWAT

Januari 2021 - Disember 2021



PKD
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor
8 Disember 2021



MSU
Management & Science University, Malaysia
8 Disember 2021



UNIZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
11 November 2021



STAF LAPOR DIRI HOSPITAL UiTM

Januari 2021 - Disember 2021

Staf Lapor Diri bermula Januari 2021 sehingga Disember 2021.

Jumlah Staf Tetap : 423 orang
Jumlah Staf Kontrak : 44 orang



PENYUMBANG MAKLUMAT

Penyumbang maklumat artikel Jabatan O & G:

- 1) Sister Rasidah binti Mat Yatim
- 2) Dr. Zaidatul Husna bt Mohamad Noor

Penyumbang maklumat artikel Jabatan Pediatrik:

- 1) Matron Roseerviyana bt Ahmad
- 2) Dr. Eleena Azizul Rahman

Penyumbang maklumat Unit Kardiologi

- 1) Norlaila bt Danuri
- 2) Siti Sarah Chan Muzaffar Chan

Penyumbang Maklumat artikel Hari Diabetes Sedunia :

Nurhidayah Mohd Lias

Penyumbang Maklumat Jabatan PJI:

Dr. Muzzammil Mohd Khairi

Penyumbang Maklumat artikel Mobile PPV :

Dr. Lina Lohshini Kanoo

Penyumbang Maklumat artikel Majlis Cakna OKU :

Dr. Muhammad Mahdi bin Abdul Razak

KUMPULAN EDITOR

PENASIHAT:

Prof Dr Sazzli Shahlan Kasim
Pengarah Hospital UiTM

Dr Liyana Dhamirah Aminuddin
Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

Dr Masri Muhammed

Timbalan Ketua Jabatan Komunikasi Korporat

EDITOR:

Dr Siti Aisyah Nizar
En Mohd Hafidz Abdul Satar @ Ahmad Sabri

EDITOR BERSEKUTU:

Azizul Baharin
Muhamad Jimikhairi Baharudin
Mohd Arif Aminudin
Syahidah Ghazali
Muhammad Naim Hafiz Abdul Kamal
'Arif 'Azim Alias
Norfazira Ngaliman

PEREKA GRAFIK
Nurhidayah Yakob

FOTOGRAFI
Syafika Md Idrus

SEKALUNG PENGHARGAAN

Jabatan Pembedahan Am

Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G)

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

Jabatan Peningkatan Kualiti dan Keselamatan Pesakit

Jabatan Pediatrik

Unit Endokrinologi, Jabatan Perubatan Am

Jabatan Penyelidikan, Jaringan Industri dan Inovasi

Unit Kardiologi, Jabatan Perubatan Am

Jabatan Perubatan Pemulihan

Jabatan Radiologi



Hospital UiTM



huitmofficial



huitmofficial



huitm.unitkorporat@uitm.edu.my